



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA BERKENAAN DENGAN AKTA 225 AKTA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA 1980 SEPERTI YANG DIPINDA SEHINGGA 1985 (AKTA A617)

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta 225 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 seperti yang dipinda sehingga 1985 Akta A617, dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya segala yang dimaksudkan dalam Akta-Akta itu. Khususnya saya faham bahawa memiliki, menyampaikan, menjaga atau mengawal, menggunakan atau menyimpan dengan salah sesuatu benda rahsia/sulit, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu benda rahsia/sulit atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan sesuatu benda rahsia/sulit adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 12 (Akta 225) dan/atau seksyen 25 (Akta 225) dan/atau seksyen 28 (Akta 225 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 seperti yang dipinda sehingga 1985 Akta A617) yang boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen 12 (Akta 225), dan/atau dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen 25 (Akta 225), dan/atau dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen 28 (Akta 225 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 seperti yang dipinda sehingga 1985 Akta A617).

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi/sulit yang saya peroleh dalam perkhidmatan Majlis Peperiksaan Malaysia adalah milik Majlis Peperiksaan Malaysia dan tidak boleh dibocorkan, disiarkan, atau disampaikan, sama ada secara lisan atau secara bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi/sulit saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Majlis Peperiksaan Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.

Tandatangan:

Nama dengan huruf besar:

Nombor kad pengenalan: Dilantik sebagai:

(Contoh: Ketua Pengawas/Ketua Pemeriksa/DII)

Tempat: Tarikh:

[Lihat sebelah

**AKTA 225 AKTA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA 1980
SEPERTI YANG DIPINDA SEHINGGA 1985 AKTA A617**

12. (1) Majlis boleh melantik orang-orang yang mempunyai kelayakan yang sesuai, sama ada yang tinggal dalam Malaysia atau luar Malaysia, untuk menyediakan, menilai, atau memeriksa soalan atau jawapan bagi sesuatu peperiksaan tertentu.

(2) Mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1) yang, tanpa kebenaran Majlis, mewakilkan tugasnya untuk menyediakan, menilai, atau memeriksa soalan atau jawapan peperiksaan kepada seseorang yang tak berkuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Majlis berhak untuk menahan kesemuanya atau sebahagiannya daripada apa-apa jua elaun atau *fee* yang kena dibayar kepada mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1) jika sekiranya Majlis dapati kerjanya itu tidak memuaskan.

25. (1) Kecuali sebagaimana yang perlu untuk menjalankan atau melaksanakan apa-apa tugas atau fungsi di bawah Akta ini atau untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dan maksud-maksud Akta ini, tiap-tiap orang yang dilantik di bawah Akta ini, atau yang sedang atau telah diambil kerja untuk menjalankan atau membantu mana-mana orang untuk menjalankan peruntukan-peruntukan dan maksud-maksud Akta ini –

- (a) hendaklah menyimpan dan membantu menyimpan rahsia berkenaan dengan semua perkara yang sampai kepada pengetahuannya semasa menjalankan atau melaksanakan apa-apa tugas atau fungsi yang ada berkaitan dengan pelantikan atau pekerjaannya;
- (b) tidak boleh memberitahu apa-apa perkara sedemikian itu kepada mana-mana orang;
- (c) tidak boleh membiar atau membenarkan mana-mana orang mendapat akses kepada apa-apa rekod yang ada dalam milik, jagaan, atau kawalan mana-mana orang yang baginya seksyen-kecil ini dipakai.

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen-kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

28. (1) Mana-mana orang yang ditugas menyediakan, menyederhanakan, menyemak; menapis atau mencetak atau mengumpul, menyimpan, membahagi-bahagikan atau menjaga apa-apa kertas soalan atau arahan sulit bagi sesuatu peperiksaan tertentu, atau membuat draf, salinan atau rekod kertas soalan atau arahan itu, atau ditugaskan sebagai seorang penyelia, pengawas peperiksaan, pembantu atau atas apa-apa sifat lain bagi sesuatu peperiksaan tertentu yang, sebelum atau semasa berlangsungnya peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkaitan dengan kertas atau arahan itu, dengan diketahui atau tak berhematnya dan tanpa diberi kuasa dengan sah untuk berbuat demikian, menzahirkan kandungan kertas atau arahan itu, atau kandungan mana-mana draf, salinan atau rekodnya kepada mana-mana orang, sama ada seorang calon bagi peperiksaan tersebut ataupun tidak, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. (A617)

(2) Mana-mana orang, sama ada seorang calon bagi sesuatu peperiksaan tertentu ataupun tidak, yang sebelum atau semasa berlangsungnya peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkaitan dengan sesuatu kertas soalan atau arahan sulit bagi sesuatu peperiksaan tertentu, dengan diketahuinya menggunakan kandungan kertas atau arahan-arahan atau kandungan apa-apa draf, salinan atau rekodnya dengan apa-apa cara jua pun dan tanpa diberi kuasa dengan sah untuk berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. (A617)

(3) Mana-mana orang yang sebelum atau semasa berlangsungnya peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkaitan dengan sesuatu kertas atau arahan sulit bagi sesuatu peperiksaan tertentu didapati memiliki, menjaga, atau mengawal kertas soalan atau arahan-arahan atau sebahagian darinya atau mana-mana draf, salinan, atau rekodnya tanpa diberi kuasa dengan sah untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. (A617)